



**IKLAN JAWATAN KOSONG
PUSAT PENGURUSAN AKADEMIK (AKADEMIK UKM)
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**

AKADEMIK UKM, mempelawa Warganegara Malaysia yang berkelayakan, komited dan berdedikasi untuk berkhidmat di organisasi kami bagi jawatan seperti berikut:

Jawatan	:	Pegawai Teknologi Maklumat F9
Klasifikasi Perkhidmatan	:	Sistem Maklumat
Kumpulan Perkhidmatan	:	Pengurusan dan Profesional
Taraf Jawatan	:	Kontrak

1. SYARAT LANTIKAN

- (a) Warganegara Malaysia;
- (b) Berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- (c) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
 - (i) Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer dengan Kepujian, Ijazah Sarjana Muda Teknologi Maklumat dengan Kepujian, Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan dalam bidang Kejuruteraan Komputer atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred F9: RM2,580.00); atau
 - (ii) Ijazah Sarjana dalam bidang Sains Komputer, Teknologi Maklumat, Kejuruteraan Komputer atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred F9: RM3,020.00); atau
 - (iii) Ijazah Kedoktoran dalam bidang Sains Komputer, Teknologi Maklumat, Kejuruteraan Komputer atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred F9: RM3,350.00).

2. SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

3. SYARAT TAMBAHAN

- (a) Berkeupayaan menganalisis keperluan sistem dan mencadangkan penyelesaian teknologi terbaik.
- (b) Mempunyai kemahiran analitikal dan penyelesaian masalah yang tinggi.
- (c) Berkeupayaan memimpin pasukan pembangun dan berkomunikasi dengan pemegang taruh.
- (d) Berpengalaman membangun dan menyelenggara sistem aplikasi berasaskan web.
- (e) Berkemahiran dalam pengaturcaraan menggunakan CodeIgniter 4 dan PHP 8 atau setara.
- (f) Berkemahiran merekabentuk struktur pangkalan data menggunakan MS SQL atau setara.
- (g) Berpengalaman dalam pembangunan API (RESTful & GraphQL).

4. CARA MEMOHON

- (a) Calon yang berminat dan berkeupayaan, sila lengkapkan **maklumat diri dan kemukakan resume/CV terkini serta salinan sijil akademik** di pautan berikut:

<https://forms.gle/GKXK2DoUnj8e3Y9s9>

- (b) Sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di talian 03-89118024 atau e-mel kepada tpakad@ukm.edu.my.

5. TARIKH TUTUP PERMOHONAN

- (a) Tarikh tutup permohonan adalah pada **3 FEBRUARI 2026 (SELASA)**.
- (b) Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan sahaja yang akan dipanggil menghadiri sesi temubual. Sekiranya calon tidak menerima sebarang maklum balas selepas **satu (1) bulan** dari tarikh tutup permohonan, calon dianggap gagal melepasi saringan pertama.